

MELAYU ISLAM BERAJA
TAHUN 5
GLOSARI

Padankan BAHAGIAN A dengan BAHAGIAN B dengan menulis HURUF
pada ruangan jawapan yang disediakan

BAHAGIAN A	JAWAPAN	BAHAGIAN B
1. Ampus		A. Ketumbuhan berbahaya pada kulit atau tubuh badan
2. Anak saudara		B. Sudi datang
3. Badudun		C. Duduk atau tinggal
4. Barah		D. Merancang dan mengawal perbelanjaan secara teratur dan tidak boros
5. Belajar		E. Penyakit sesak nafas atau lelah dan dikenali juga sebagai penyakit asma
6. Bercemar duli		F. Berkunjung ke rumah keluarga
7. Berjimat Cermat		G. Seorang diri
8. Bersemayam		H. Bertindih-tindih atau bersusun
9. Berseorangan		I. Berusaha untuk mencari ilmu
10. Bertimpa-timpa		J. Anak kemanakan

BAHAGIAN A	JAWAPAN	BAHAGIAN B
11. Diputerakan		K. Perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain.
12. E-mel		L. Dilahirkan
13. Empati		M. Sejenis tumbuhan (herba untuk rempah dan ubat)
14. Emosi		N. Badan atau jasmani
15. Fizikal		O. Masyhur
16. Galah		P. Sanak Saudara
17. Jintan Selasih		Q. Sesuatu yang membawa kebaikan atau perbuatan baik
18. Kaum Kerabat		R. Menyelami dan memahami perasaan orang lain
19. Kebajikan		S. Kayu panjang yang digunakan untuk menjolok buah-buahan dan lain-lainnya
20. Kebilangan		T. Maklumat atau mesej yang dihantarkan secara elektronik dari satu alat komputer ke alat komputer yang lain

BAHAGIAN A	JAWAPAN	BAHAGIAN B
21. Keluarga		U. Berkaitan dengan akal atau pemikiran
22. Kerana nila setitik rosak susu sebelanga		V. Menyebabkan leka, lalai atau sentiasa berangan- angan
23. Kolaj		W. Kerana melakukan suatu kesalahan atau kesilapan kecil, seluruh keluarga juga mendapat malu.
24. Mental		X. Orang yang tugasnya membantu atau melengkapi kerja-kerja yang ada kaitan dengan bidang perubatan
25. Menabalkan		Y. Merasmikan menjadi raja
26. Mengkhayalkan		Z. Mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara.
27. Nila		AA. Perkara yang telah ditetapkan atau ditentukan dan harus dipatuhi atau diikuti
28. Paramedik		BB. Orang yang mempunyai pertalian atau hubungan disebabkan keturunan atau perkahwinan
29. Patriotik		CC. Sejenis bahan berwarna biru untuk pakaian
30. Peraturan		DD. Teknik atau cara membuat gambar daripada pelbagai jenis bahan seperti cebisan kertas, kain, foto dan sebagainya yang dicantum-cantumkan dan dilekatkan pada sesuatu permukaan

BAHAGIAN A	JAWAPAN	BAHAGIAN B
31. Pengsan		EE. Hilang lenyap
32. Ponteng Sekolah		FF. Perasaan belas kasihan, timbang rasa terhadap sesuatu atau seseorang
33. Pupus		GG. Kertas edaran yang mengandungi maklumat ringkas mengenai sesuatu perkara
34. Putera Mahkota		HH. Tidak hadir sekolah tanpa sebab
35. Rakan Sebaya		II. Perbincangan untuk menyelesaikan sesuatu masalah
36. Risalah		JJ. Urat yang menghubungkan otak dengan bahagian- bahagian dalam tubuh badan
37. Saraf		KK. Maklumat yang sangat berguna
38. Simpati		LL. Rakan yang sama umur dengan kamu
39. Sumbang Saran		MM. Tidak sedarkan diri
40. Tip		NN. Anak raja yang bakal menaiki takhta

BAHAGIAN A	JAWAPAN	BAHAGIAN B
41. Rumah Sakit		OO. Wang yang diberikan kepada seseorang yang disuruh mengerjakan sesuatu atau bayaran sebagai pembalas jasa
42. Upah		PP. Berkunjung atau pergi ke tempat tinggal kaum kerabat atau sanak saudara
43. Walangan		QQ. Tempat pelajar mendapatkan pelbagai ilmu
44. Ziarah- Menziarahi		RR. hospital
45. Sekolah		SS. Segan